

| | |
|------------|---------------------------------|
| Headline | Goerge Kent raih laba RM617juta |
| MediaTitle | Utusan Malaysia |
| Date | 20 Mar 2018 |
| Section | Ekonomi |
| Page No | 15 |
| Language | Malay |
| Journalist | N/A |
| Frequency | Daily |



Goerge Kent raih laba RM617 juta

KUALA LUMPUR 19 Mac - George Kent (Malaysia) Berhad mencatat perolehan sebanyak RM617 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2018 berbanding RM599 juta pada tahun sebelumnya.

Pengerusinya, Tan Sri Tan Kay Hock berkata, kumpulan berjaya merekodkan keuntungan sebelum cukai (PBT) dan selepas cukai (PAT) tertinggi, masing-masing sebanyak RM160.3 juta dan RM124.4 juta.

Jelas beliau, prestasi kukuh itu dipacu oleh segmen kejuruteraan dan meter.

“Peningkatan keuntungan berikutan pelaksanaan beberapa projek seperti rel, hospital dan infrastruktur air dalam tahun kewangan.

“Selain itu, beberapa projek lain juga berjaya disiapkan sementara segmen meter pula disumbang menerusi pelbagai kontrak yang diperoleh dalam tahun kewangan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Kay Hock berkata, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim ketiga sebanyak lima sen sesaham berjumlah RM28.16 juta dan dibayar pada 25 April depan.

“Beberapa projek yang akan dilaksanakan berjumlah RM5.6 bilion memberikan perolehan yang tinggi pada masa depan dan kami akan terus mengintai peluang sama ada dalam negara dan di rantau ini,” ujarnya.

Pada tahun kewangan lalu, George Kent berjaya mendapat tender kali kedua untuk membekalkan dan menyerahkan 650,000 meter air kepada Jabatan Bekalan Air (WSD) Hong Kong.